

13 FEBRUARI 2018

20 penagih ditahan di ladang kelapa sawit

20 penagih ditahan di ladang kelapa sawit

PENDANG - Polis menyerbu sebuah kawasan ladang kelapa sawit dan menahan seramai 20 penagih dalam Ops Sarang di Kampung Paya Nedam, Mukim Air Putih di sini semalam.

Ketua Polis Daerah Pendang, Deputy Superintendent Fadzil Hashim berkata, serbuan bermula pukul 2.30 petang itu berjaya menahan 20 penagih warga tempatan berusia antara 20 hingga 56 tahun.

"Hasil maklumat yang diterima, kawasan ladang kelapa sawit itu dijadikan sebagai lokasi untuk mereka melepaskan gian," katanya di sini semalam.

Fadzil berkata, pihaknya turut merampas dadah jenis heroin seberat 0.95 gram dan syabu seberat 0.16 gram dengan anggaran nilai keseluruhan RM35 selain sebuah motosikal curi yang dilaporkan hilang di Alor Setar.

Kesemua penagih itu dibawa ke IPD Pendang untuk tindakan lanjut dan ujian air kencing mendapati mereka positif dadah.